



## <Perkara penting bagi pengisian tuntutan insurans hayat NanShan>

Salam sejahtera pemegang polisi yang dihormati,

Terima kasih atas sokongan dan kasih sayang anda terhadap syarikat kami, ia adalah tanggungjawab kami untuk melindungi hak dan kepentingan anda. Berikut adalah peringatan mesra bagi perkara penting pengisian tuntutan:

- Borang permohonan tuntutan insurans boleh digunakan untuk permohonan pembayaran tuntutan pelbagai produk insurans seperti insurans hayat, insurans kumpulan (tidak termasuk insurans kumpulan bencana pekerjaan), insurans perjalanan dan produk-produk jenis pelaburan. Semasa mengisi borang permohonan tuntutan insurans, pemegang polisi harus mengisi setiap ruangan secara terperinci dan tepat dengan tulisan yang jelas agar dapat diproses dalam statut batasan tuntutan.
- Sebelum mengisi borang permohonan tuntutan insurans, sila baca halaman belakang borang permohonan dengan teliti mengenai senarai dan perkara-perkara notis tentang lampiran dokumen yang diperlukan bagi setiap permohonan tuntutan insurans.
- Penjelasan tentang cara pengisian adalah seperti berikut: (Sila maklumkan kepada jurujual terlebih dahulu, sekiranya jurujual tidak dapat dihubungi, sila kemukakan permohonan anda ke unit pengendalian tuntutan secara penghantaran sendiri)

### 1. Maklumat tentang orang yang terlibat dalam kemalangan

- A. Isikan semua nombor polisi (termasuk insurans hayat, insurans kumpulan, insurans perjalanan dan produk-produk jenis pelaburan) bagi orang yang terlibat dalam kemalangan pada borang permohonan yang sama. Bagi polisi insurans kumpulan, sila isikan nombor pemegang polisi/nama unit yang diinsuranskan, nombor kad insurans dan nama pekerja/ahli.
- B. Hubungan dengan orang yang diinsuranskan: Tandakan hubungan antara orang yang terlibat dalam kemalangan dengan orang utama yang diinsuranskan.

### 2. Perkara yang dipohon

Tandakan perkara tuntutan yang dipohon berdasarkan kepada kemalangan/jenis polisi.

### **3. Penjelasan tentang insiden yang diinsuranskan**

- A. Sila tandakan jenis insiden sebagai penyakit atau kemalangan.
- B. Sekiranya ia adalah insiden kemalangan, sila pastikan masa kejadian, lokasi kejadian, pekerjaan dan kandungan kerja pada masa kejadian, punca dan kejadian terperinci diisikan dengan teliti. Sekiranya ada rekod laporan polis, sila isikan maklumat seperti tarikh laporan/unit pengendalian kemalangan/pegawai yang mengendalikan/nombor hubungan dan sebagainya, agar mempercepatkan proses tuntutan pampasan. (Sekiranya terdapat laporan polis atau dokumen pengesahan polis atau laporan media seperti akhbar dan majalah, sila bekalkan keratan akhbar atau maklumat yang berkenaan).

### **4. Cara pembayaran (tandakan pada cara pembayaran pampasan insurans)**

- A. Cek:
  - Bil segera dengan pewaris sebagai penerima. (Cek adalah “tidak boleh niaga” dan dipalang)
- B. Kiriman wang oleh institusi kewangan:
  - a. Sekiranya cara pembayaran yang dipilih terdapat lebih daripada seorang pewaris kiriman wang, maka setiap pewaris haruslah mengisi borang tuntutan insurans ini secara berasingan.
  - b. Bagi permohonan polisi insurans mata wang asing, nama Inggeris yang sama dengan akaun polisi insurans mata wang asing harus diisikan dan dilampirkan dengan dokumen pengesahan akaun simpanan mata wang asing.
  - c. Sekiranya kiriman wang tidak dapat dilakukan atas faktor yang tidak berkaitan dengan syarikat, maka syarikat akan mengendalikan kiriman wang selepas faktor tersebut hilang, namun syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas kelewatian yang berlaku.
  - d. Pewaris boleh melampirkan salinan dokumen pengenalan diri dan halaman buku simpanan bank bagi membantu operasi penyemakan kiriman wang oleh syarikat dan menjamin hak dan kepentingan pewaris.
  - e. Pewaris tuntutan insurans perubatan yang di bawah umur, wang tersebut boleh dipindahkan ke akaun wakil di sisi undang-undang. Apabila syarikat memindahkan wang ke akaun wakil di sisi undang-undang, ia dianggap sebagai pewaris telah mengiktiraf ia sebagai pembayaran.
- C. Sekiranya pewaris belum memilih cara pembayaran, syarikat akan mengeluarkan cek sebagai pembayaran.
- D. Apabila pewaris adalah di bawah umur dan memilih untuk memindahkan wang ke akaun wakil di sisi undang-undang, jika wakil di sisi undang-undang bukan pencadang, sila lampirkan dokumen pengesahan hubungan (seperti salinan daftar isi rumah dan sebagainya).



## **5. Tandatangan pewaris**

- A. Bagi permohonan pampasan insurans perubatan, penyakit kritikal atau kehilangan upaya, pewaris adalah orang yang mengalami kemalangan itu sendiri. Bagi permohonan pampasan insurans kematian, pewaris adalah merujuk kepada pewaris kematian yang ternyata dalam polisi insurans.
- B. Sekiranya orang yang mengalami kemalangan/pewaris kematian adalah di bawah umur atau mereka yang diisyiharkan sebagai orang yang di bawah jagaan atau di bawah bantuan, tandatangan wakil di sisi undang-undang/penjaga/pembantu juga diperlukan.
- C. Ruangan tandatangan pewaris hendaklah ditandatangani sendiri oleh pewaris (orang yang mengalami kemalangan/waris kematian/wakil di sisi undang-undang/penjaga/pembantu), dan disikan alamat/poskod/nombor telefon/nombor telefon bimbit/E-mel serta tarikh permohonan. (\*Sila meneliti perkara notis di halaman belakang borang permohonan tuntutan insurans)

Sekiranya anda perlu mengemas kini alamat/nombor telefon/nombor telefon bimbit/E-mel polisi, sila isikan "Borang Permohonan untuk Perubahan Kontrak/Pengembalian Semula/Pengeluaran Semula Polisi" dan dihantarkan ke unit perkhidmatan pelanggan untuk diproses. Borang permohonan tuntutan insurans tidak dianggap sebagai pemberitahuan tentang perubahan maklumat yang dinyatakan di atas oleh pemegang polisi.

## **6. Pampasan susulan insiden sebelum**

Bagi orang yang terlibat dalam insiden yang pernah membuat tuntutan pampasan yang disebabkan oleh insiden kemalangan yang sama, sila tandakan pada ruangan ini.

Jika anda mempunyai persoalan tentang perkara-perkara notis di atas atau sebarang persoalan lain, sila hubungi nombor telefon perkhidmatan bebas tol pusat perkhidmatan pelanggan 24 jam syarikat ini: 0800-020-060, atau talian perundingan utama luar negara (panggilan berbayar): +886-2-8752-2111. Kami akan memberikan perkhidmatan kepada anda dengan sepenuh hati.